

# Aplikasi tak cakupi semua produk, perlu dinaik taraf

Ada makanan ringan buatan tempatan diimbas tidak tersenarai sebagai halal

Oleh Zanariah Abd Mutalib, Syalikhah Sazili dan Norzamira Che Noh bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Aplikasi telefon yang membolehkan pengguna mengimbas kod bagi melihat kesahihan produk halal dikesan tidak mencakupi semua produk dan perlu dinaik taraf.

Sebelum ini, satu aplikasi yang dibangunkan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mendakwa ia berupaya mengesahkan produk halal, sekali gus membantu pengguna membuat keputusan dalam membeli produk.

Malah, pengguna juga boleh mencari produk dan premis halal melalui bar carian yang turut menyediakan pengasingan kategori.

Bagaimanapun, cubaan BH mengimbas beberapa produk makanan ringan buatan tempatan menunjukkan ia tidak tersenarai sebagai produk halal walaupun mempunyai logo halal JAKIM.

Semalam, BH melaporkan berlaku lambakan produk import berasaskan keju, tenusu, coklat, rampah ratus, minyak masak dan produk dalam tin yang meragukan.

Walaupun JAKIM mengiktiraf 79 logo pensijilan halal antarabangsa yang dikeluarkan pelbagai badan dan pertubuhan agama Islam dari 44 negara meliputi Eropah, Amerika dan Asia, masih ada produk menggunakan logo halal namun statusnya diragui kerana tidak disokong JAKIM.


Di Shah Alam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan meneliti aduan berhubung status logo halal produk import sebelum mengambil tindakan selanjutnya.



**Saya kena teliti berapa banyak aduan diterima mengenai status halal produk import berkenaan sebelum mengambil tindakan selanjutnya.**

**Saifuddin Nasution Ismail,** Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

## LANGKAH IMBAS LOGO HALAL



Untuk pengesahan, cuba hubungi kami [VerifyHalal@Serumai.com](mailto:VerifyHalal@Serumai.com)

Grafik BH

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, mengakui aspek penguatkuasaan adalah bidang kuasa pihakanya tetapi perlu melihat isu dibangkitkan.

"KPDNHEP mempunyai sembi- lan saluran aduan dengan purata 2,500 aduan diterima setiap bulan. "Saya kena teliti berapa banyak aduan diterima mengenai status halal produk import berkenaan sebelum mengambil tindakan se-

lanjutnya," katanya kepada pem-berita selepas Majlis Pelancaran Program Food Bank Siswa Uni-versiti Teknologi MARA (UiTM), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ke-tua Setiausaha (Kepenggunaan dan Pengurusan) KPDNHEP, Da-tuk Rostam Affendi Salleh dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM, Profesor Dr Azizan Abdulllah.